

DALAM MAHKAMAH SESYEN DI TEMERLOH
DALAM NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR
GUAMAN SIVIL NO.: CB-A52NCvC-7-06/2021

ANTARA

BORHAN BIN MOHAMAD

(NO. K/P: 670217-06-5001)

.....PLAINTIF

DAN

MEGABINA TRADING

(No. Syarikat: CA0126634-H)

..... DEFENDAN

ALASAN PENGHAKIMAN

1. Pada 9 Ogos 2023, Mahkamah ini setelah membaca Notis Permohonan Plaintiff (Lampiran 42), affidavit-afidavit yang difailkan oleh Plaintiff dan Defendan serta setelah mempertimbangkan hujahan-hujahan yang dikemukakan oleh pihak-pihak, Mahkamah ini menolak permohonan Plaintiff di Lampiran 42. Lampiran 42 adalah permohonan Plaintiff di bawah Aturan 52 Kaedah 4, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 untuk perintah-perintah berikut:
 - a. Perintah pengkomitan diberikan terhadap Megabina Trading (No. Syarikat: CA0126634-H) kerana menghina Mahkamah;
 - b. Megabina Trading (No. Syarikat: CA0126634-H) diperintahkan untuk membayar denda secara serta-merta untuk suatu jumlah



- yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah kerana menghina Mahkamah;
- c. Kos permohonan dibayar oleh Megabina Trading (No. Syarikat: CA0126634-H);
 - d. Suatu perintah pengkomitan diberikan terhadap Izyan Balqis binti Abdul Wahab (No. K/P: 890401-11-5392) iaitu salah seorang rakan kongsi kepada Defendan;
 - e. Izyan Balqis binti Abdul Wahab (No. K/P: 890401-11-5392) diperintahkan untuk membayar denda secara serta-merta untuk suatu jumlah yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah kerana menghina Mahkamah;
 - f. Izyan Balqis binti Abdul Wahab (No. K/P: 890401-11-5392) dipenjarakan untuk tempoh masa yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah kerana menghina Mahkamah;
 - g. Kos permohonan ini dibayar oleh Izyan Balqis binti Abdul Wahab (No. K/P: 890401-11-5392) kepada Plaintiff;
 - h. Suatu perintah pengkomitan diberikan terhadap Siti Noriddayu binti Abdul Wahab (No. K/P: 910924-06-5326) iaitu salah seorang rakan kongsi kepada Defendan dengan alamat rumah di No. 861, Lorong Bentong Makmur 22, Taman Bentong Makmur, 28700 Bentong, Pahang;
 - i. Siti Noriddayu binti Abdul Wahab (No. K/P: 910924-06-5326) diperintahkan untuk membayar denda secara serta-merta untuk suatu jumlah yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah kerana menghina Mahkamah.
 - j. Siti Noriddayu binti Abdul Wahab (No. K/P: 910924-06-5326) dipenjarakan untuk tempoh masa yang difikirkan sesuai oleh



- Mahkamah kerana menghina Mahkamah;
- k. Kos permohonan ini dibayar oleh Izyan Balqis binti Abdul Wahab (No. K/P: 890401-11-5392) kepada Plaintiff; dan
 - l. Perintah-perintah untuk manfaat Plaintiff yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah.

KERTAS-KERTAS KAUSA YANG BERKAITAN BAGI PERMOHONAN DI LAMPIRAN 42

2.Kertas-kertas kausa yang berkaitan dengan permohonan di Lampiran 42:

- i. Penghakiman Persetujuan bertarikh 30.3.2022;
- ii. Pernyataan menurut Aturan 52 Kaedah 3 (2), Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 bertarikh 16.1.2023;
- iii. Notis Permohonan (Ex-Parte) bertarikh 18.1.2023 yang difailkan oleh Plaintiff bagi mendapatkan kebenaran untuk memfailkan permohonan bagi suatu perintah pengkomitan terhadap Defendan;
- iv. Afidavit bagi menentusahkan fakta yang telah diikrarkan oleh Borhan bin Mohamad pada 17.1.2023;
- v. Perintah bertarikh 20.2.2023 yang membenarkan Plaintiff untuk memfailkan permohonan bagi suatu perinth pengkomitan terhadap Defendan;
- vi. Notis Permohonan bertarikh 9.3.2023 yang difailkan oleh Plaintiff;
- vii. Afidavit Sokongan Plaintiff yang diikrrakan oleh Borhan bin Mohamad pada 9.3.2023;
- viii. Afidavit Jawapan Defendan yang diikrarkan oleh Siti Noriddayu binti Abdul Wahab pada 27.3.2023;
- ix. Afidavit balasan Plaintiff yang diikrarkan oleh Borhan bin Mohamad



pada 11.4.2023;

3. Mahkamah meneliti beberapa perkara di dalam menentukan sama ada Defendan telah melakukan pelanggaran kepada terma-terma persetujuan di dalam Penghakiman Persetujuan yang telah direkodkan pada 30.3.2022. Adalah jelas bahawa terma-terma yang perlu diteliti oleh Mahkamah adalah seperti di dalam Penghakiman Persetujuan adalah seperti berikut:

**DALAM MAHKAMAH SESYEN DI TEMERLOH
DALAM NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR
GUAMAN CIVIL NO: CB-A52NCVC-7-06/2021**

ANTARA

BORHAN BIN MOHAMAD
(No. K/P: 670217-06-5001)

... PLAINTIF

DAN

MEGABINA TRADING
(No. Pendaftaran Perniagaan: CA0126634-H)

... DEFENDAN

DI HADAPAN HAKIM MAHKAMAH SESYEN
DATO' CHE WAN ZAIDI BIN CHE WAN IBRAHIM
PADA 30 MAC 2022

MAHKAMAH TERBUKA

(TELEKOMUNIKASI JARAK JAUH SECARA E-REVIEW)

PENGHAKIMAN PERSETUJUAN

TINDAKAN INI setelah ditetapkan pada hari ini untuk bicara di hadapan Dato' Che Wan Zaidi Bin Che Wan Ibrahim, Hakim Mahkamah Sesyen Temerloh, dalam kehadiran Dato' Zailan bin Mohamed dan Nur Amyra binti Zailan, peguamcara bagi Plaintiff dan dalam kehadiran



S/N w3NbxLNPSkKgZrM//sayyA

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

peguamcara Defendan, Shamin binti Shahril Ridzwan Wan dan Najwa Wajihah binti Husin, MAKA ADALAH PADA HARI INI DIHAKIMI SECARA PENGHAKIMAN PERSETUJUAN bahawa:-

1. Plaintiff dan Defendan bersetuju bahawa Agihan Keuntungan dan Kerugian adalah sebanyak 80% kepada Defendan dan 20% kepada Plaintiff.
2. Plaintiff dan Defendan perlu melantik auditor bebas di mana hasil audit yang dipersetujui bersama tersebut akan mengikat kedua-dua pihak.
3. Plaintiff dan Defendan perlu bertanggungjawab ke atas keuntungan atau kerugian mengikut kadar 80% dan 20% seperti yang dipersetujui.

Bertarikh pada 30 Mac 2022

tt.

.....

Penolong Pendaftar

Mahkamah Sesyen

Temerloh

4. Setelah mempertimbangkan Notis Permohonan di Lampiran 42 , affidavit- affidavit yang difailkan dan hujahan-hujahan kedua-dua belah pihak, Mahkamah ini pada 9 Ogos 2023 telah menolak permohonan Plaintiff bagi perintah komital terhadap Defendan.

ALASAN-ALASAN MAHKAMAH

5. Berikut adalah alasan-alasan Mahkamah dalam menolak permohonan Plaintiff di Lampiran 42:

5.1 Berdasarkan kepada perenggan 2 Penghakiman tersebut, Mahkamah mendapati bahawa kedua-dua Plaintiff dan Defendan perlu melantik auditor bebas di mana hasil audit yang dipersetujui bersama tersebut akan mengikat kedua-dua pihak. Mahkamah setelah meneliti affidavit- affidavit yang difailkan



oleh Plaintiff dan Defendan, Mahkamah mendapati bahawa auditor bebas yang dilantik adalah secara berasingan atau sepihak seperti yang dinyatakan dalam affidavit jawapan Defendan. Tiada pelantikan auditor bebas secara bersesama di antara pihak-pihak.

5.2. Selain itu, berdasarkan affidavit sokongan Plaintiff menyatakan bahawa Defendan telah gagal membekalkan dokumen-dokumen yang lengkap berkaitan projek, telah mengakibatkan Plaintiff tidak dapat melantik juruaudit bebas yang lain untuk semakan ke atas penyata akaun projek. Plaintiff menyatakan kegagalan Defendan membekalkan dokumen-dokumen yang lengkap merupakan penghinaan Mahkamah dan pemecahan Penghakiman Persetujuan. Mahkamah mendapati keperluan untuk membekalkan dokumen-dokumen yang lengkap berkaitan projek bukanlah terma dalam Penghakiman Persetujuan tersebut. Maka dengan itu, Mahkamah mendapati adalah tidak selamat bagi Mahkamah mengenakan Perintah Komital kerana penghinaan Mahkamah terhadap Defendan kerana membekalkan dokumen-dokumen yang lengkap berkaitan projek ianya bukan terma yang dipersetujui dalam Penghakiman Persetujuan tersebut

5.3. Selain itu, Penghakiman Persetujuan tersebut tidak menyatakan sebarang tempoh masa bagi pematuhan terma-terma Penghakiman tersebut. Mahkamah juga mengambil kira, langkah-langkah yang telah diambil oleh Defendan dengan memberikan Laporan Audit Pertama kepada Plaintiff. Namun begitu, Plaintiff telah menolak Laporan Audit Pertama atas alasan ianya tidak disahkan oleh juruaudit yang bertauliah. Selanjutnya Defendan telah melantik auditor yang kedua untuk menyediakan Laporan Audit tersebut. Defendan juga telah melantik firma Zambran & Associates



yang telah mengeluarkan sesalinan Penyata Untung Rugi dan ianya telah diserahkan kepada peguamcara Plaintiff. Namun begitu, ianya telah ditolak oleh Plaintiff. Mahkamah juga mendapati bahawa, Penghakiman Persetujuan tersebut tidak memperuntukkan jangka masa untuk Laporan Akaun tersebut perlu disiapkan. Di peringkat ini, Mahkamah tidak dapat menentukan sebarang bentuk pelanggaran kepada terma Penghakiman Persetujuan memandangkan tiadanya sebarang tempoh masa ditetapkan oleh pihak-pihak untuk Laporan Akaun tersebut perlu disiapkan.

4.2 Penghakiman Persetujuan tersebut juga tidak diendorskan dengan Notis Kesenaksaan. Penghakiman Persetujuan tersebut tidak mengandungi Notis Kesenaksaan bagi tujuan memaklumkan kepada Defendan-Defendan berkenaan kesan ketidakpatuhan terhadap Penghakiman tersebut.

Mahkamah merujuk Aturan 45 Kaedah 7 (4) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 :

(4) Maka hendaklah diendorskan pada salinan suatu perintah yang disampaikan di bawah kaedah ini suatu notis dalam Borang 83 memberitahu orang yang kepadanya salinan itu disampaikan-

(a) dalam hal penyampaian di bawah perenggan (2), sekiranya dia abai dalam mematuhi perintah itu dalam masa yang dinyatakan di dalamnya, atau, sekiranya perintah itu bertujuan menjauhi daripada melakukan suatu perbuatan, bahawa sekiranya dia tidak mematuhi perintah itu, dia boleh dikenakan proses pelaksanaan bagi memaksanya mematuhi perintah itu; dan



(b) dalam hal penyampaian di bawah perenggan (3), bahawa sekiranya pertubuhan perbadanan abai mematuhi perintah itu dalam masa yang dinyatakan sedemikian atau, sekiranya perintah itu adalah untuk menjauhi daripada melakukan suatu perbuatan, bahawa sekiranya pertubuhan perbadanan itu tidak mematuhi perintah itu, pertubuhan itu boleh dikenakan proses pelaksanaan bagi memaksa pertubuhan tersebut mematuhi perintah itu.

Mahkamah juga merujuk kes **OSSG Management Sdn Bhd. V Platinum Eden Asset Management Sdn. Bhd & Anor; Platinum Eden Asset Management Sdn Bhd & Ors (Respondents) [2021] 7 CLJ 809:**

[54] Penal indorsement in the consent judgment is a mandatory precondition as the same requires the parties to do certain act within a specified time. In *Loh Eng Leong & Anor v. Lo Mun Sen & Sons Sdn Bhd & Anor* [2003] 4 CLJ 743, the Court of Appeal ruled, *inter alia*, the followings:

Rule 7(4) provides that it is only where the order of court is one that must specify the time period within which an act must be done that can be indorsed with the penal notice. Rule 7(2)(b) provides that an order shall not be enforced under r. 5 unless a copy of the order requiring a person to do an act has been served on him before the expiration of the time within which he was required to do the act. Rule 7(4) deals with the indorsement of the penal notice in the case of service under r. 7(2) informing the person on whom the order is served that if he neglects to obey the order within the time specified therein then he is liable to process of execution to compel him to obey it.



It is therefore clear that where an order of court to do an act must specify the time within which an act is to be done then such time must be specified. It is only in such cases that there can be indorsement with the penal notice. As the indorsement with the penal notice is a prerequisite to the making of a committal order which involves the liberty of the subject it is particularly important that the relevant rules are duly complied with (see Nicholls v. Nicholls [1977] 147 NLJ 61; Allport Alfred James v. Wong Soon Lan [1989] 1 CLJ 271; [1989] 2 CLJ (Rep) 852).

(emphasis added)

5. Maka, atas alasan-alasan yang di atas, Mahkamah ini menolak permohonan Plaintiff di Lampiran 42 dengan kos RM3000.00



AHMAD RIZKI BIN ABDUL JALIL

Hakim

Mahkamah Sesyen 2 Temerloh

Pahang.

6 November 2023.



Peguam Plaintiff:

Zailan Hj Mohamed, Nur Nadjwa Amiera Binti Azman & Amyra binti Zailan
Tetuan Zailan & Associates

Peguam Defendan:

Megat Abdul Munir & Mohd Shahir Bin Md Tahir
Tetuan Zain Megat & Murad



S/N w3NbxLNPSkKgZrM//sayyA

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal